



**SURAT PEKELILING JABATAN PENUNTUT MALAYSIA AUSTRALIA  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA  
BIL. 1 TAHUN 2009**

**PENDAFTARAN PERSATUAN PELAJAR DI BAWAH  
JABATAN PENUNTUT MALAYSIA AUSTRALIA**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pendaftaran semula persatuan-persatuan pelajar Malaysia di bawah naungan Jabatan Penuntut Malaysia Australia di semua negeri di Australia.

**LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Penuntut Malaysia Australia telah menubuhkan sebuah persatuan induk bagi pelajar-pelajar Malaysia di Australia yang dikenali dengan nama "Malaysian Students Council of Australia" (MASCA). Penubuhan MASCA secara rasminya telah disempurnakan oleh TYT, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Australia ketika itu pada 20 April 2001 dan telah mendapat pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan pada masa kini ialah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

3. MASCA Australia terdiri daripada MASCA National yang berpusat di New South Wales, di bawah MASCA National terdiri MASCA negeri iaitu; MASCA NSW, MASCA Victoria, MASCA ACT, MASCA Western Australia, MASCA South

Australia, MASCA Queensland dan MASCA Tasmania. Walau bagaimanapun, Jabatan Penuntut Malaysia tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai persatuan atau kelab pelajar yang bernaung di bawah persatuan induk pelajar Malaysia di Australia.

4. Sejak kebelakangan ini Jabatan Penuntut Malaysia Australia menerima beberapa permohonan daripada pelajar untuk menubuhkan persatuan dan bernaung di bawah Jabatan Penuntut Malaysia Australia.

5. Bagi mengemaskini aktiviti-aktiviti persatuan pelajar dan menyusun semula persatuan-persatuan pelajar di bawah persatuan induk pelajar dan bernaung di bawah Jabatan Penuntut Malaysia Australia, Jabatan Penuntut Malaysia Australia akan membuka pendaftaran semula persatuan pelajar untuk bernaung di bawah Jabatan ini berdasarkan kepada syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan. Persatuan boleh melaksanakan program atau projek secara bergabung atau berganding dengan persatuan, kelab atau badan-badan lain yang bukan bernaung di bawah Jabatan Penuntut Malaysia Australia. Walau bagaimanapun butiran berkaitan kerjasama dan perkongsian dalam melaksanakan program tersebut perlu dijelaskan dalam cadangan kertas kerja dan jelas juga dalam 'banner' program atau projek.

## **KRITERIA PENUBUHAN PERSATUAN**

6. Persatuan atau organisasi yang hendak ditubuhkan dan berdaftar dengan Jabatan Penuntut Malaysia Australia perlu memenuhi syarat-syarat dan kriteria seperti berikut:

- i. Ditubuhkan atas nama persatuan pelajar Malaysia.
- ii. Penubuhan persatuan mengambil kira penyertaan pelajar Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan tidak terhad kepada kumpulan atau kelompok tertentu sahaja.
- iii. Tidak ditubuhkan atas nama mana-mana badan politik seperti '**Kelab Keadilan Rakyat**' atau sesuatu bangsa atau ras seperti

**'Persatuan Pelajar Melayu'** atau atas nama badan penajaan pelajar **'Persatuan Pelajar KPM'**.

- iv. Keahlian persatuan mestilah terdiri daripada pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Australia secara sah.
- v. Ahli Jawatankuasa Majlis Tertinggi persatuan mestilah terdiri daripada pelajar Malaysia yang sah. Walau bagaimanapun Majlis Tertinggi berhak untuk melantik jawatankuasa kecil yang terdiri daripada 'Ahli Bersekutu' berdasarkan kepada perlembagaan persatuan yang telah diluluskan.
- vi. Semua ahli persatuan mesti berdaftar dengan Jabatan Penuntut Malaysia Australia. Pendaftaran boleh dibuat secara *on-line* melalui laman web Jabatan iaitu; <http://www.msda.org.au>
- vii. Setiap Universiti hanya boleh menubuhkan dan mendaftar satu sahaja persatuan pelajar Malaysia di bawah Jabatan Penuntut Malaysia Australia.
- viii. Persatuan atau kelab yang berdaftar dengan Jabatan Penuntut Malaysia Australia adalah berada di bawah Persatuan Induk Pelajar iaitu MASCA negeri.

## **CARA PENDAFTARAN PERSATUAN**

7. Permohonan pendaftaran boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang disediakan dan mengemukakan borang yang telah lengkap kepada Jabatan Penuntut Malaysia Australia.

8. Permohonan mestilah dikemukakan bersama senarai Jawatankuasa Majlis Tertinggi Persatuan dan 'Perlembagaan Persatuan'. Persatuan juga perlu mengemukakan perancangan aktiviti tahunan yang akan dijalankan oleh persatuan bersama status terkini laporan kewangan persatuan.

10. Persatuan yang telah berdaftar akan diberikan Sijil Pendaftaran berserta dengan nombor keahlian pendaftaran persatuan di bawah naungan Jabatan Penuntut Malaysia Australia.

11. Persatuan yang telah sah pendaftaran dengan Jabatan Penuntut Malaysia Australia akan diberikan sumbangan kewangan tahunan sebagai bantuan bagi menjalankan kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran persatuan.

## **PERMOHONAN PENDAFTARAN**

12. Permohonan pendaftaran persatuan pelajar boleh dihantar melalui pos kepada:

Pengarah  
Jabatan Penuntut Malaysia Australia  
67, Victoria Road, Bellevue Hill  
NSW 2023

atau melalui email kepada: [contact@msda.org.au](mailto:contact@msda.org.au)